

PRU-13: Banyak faktor bantu BN capai kemenangan

B14 17/3/12 25

Masalah dalaman parti dalam pakatan pembangkang bakal dorong penyokong beralih angin

Oleh Lau Zhe Wei

DALAM suasana politik Malaysia, definisi kemenangan dalam pilihan raya boleh dirungkai dengan melihat sama ada parti politik yang bertanding mampu menguasai dua pertiga kerusi Parlimen dan memenangi majoriti kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Secara umumnya, Barisan Nasional (BN) akan menguasai dua pertiga Parlimen pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) atas beberapa faktor.

Pertama, trend pengundi atas pagar. Golongan terbabit cenderung memberi peluang kepada satu parti politik dalam sesuatu PRU dan berubah sokongan apabila parti politik yang diundi gagal memenuhi kehendak mereka.

Alasan kedua disebabkan faktor Perdana Menteri baru. Secara lazimnya, PRU pertama bagi setiap Perdana Menteri akan mencapai kecemerlangan. Ini kerana rakyat mahu memberi peluang dan sokongan kepada Perdana Menteri baru.

Premis ini dibuktikan benar dalam penyelidikan tesis saya. Bagaimanapun, faktor ini menjadi kurang dominan terhadap Datuk Seri Najib Razak kerana beliau mengambil alih kuasa tidak lama selepas Pilihan Raya Umum 2008.

Dalam situasi sedemikian, beliau

sudah kehilangan 'kelebihan' dalam faktor 'kepemimpinan baru'. Ini kerana beliau memegang jawatan Perdana Menteri selama lebih daripada tiga tahun. Keadaan ini berbeza dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi yang mana PRU pertama beliau hanyalah lebih daripada 100 hari selepas mengambil alih kuasa. Beliau memiliki kelebihan faktor 'rakyat memberi peluang baru'.

Selain itu, tempoh yang lebih singkat seseorang dalam kuasa menyebabkan kurangnya perbuatan salah. Walaupun ia kurang signifikan, faktor Perdana Menteri baru ini turut memberi serba sedikit kelebihan kepada Najib.

Ketiga, ia boleh dilihat dari perspektif klimaks pencapaian. Setiap parti politik secara umumnya mempunyai klimaks pencapaian cemerlang sekiranya terdapat ketiadaan faktor lain lebih dominan.

Pilihan Raya Umum 2004 ialah kemuncak pencapaian BN yang mana PKR, DAP dan PAS kekal di kerusi yang dianggap sebagai kubu kuat mereka. Di kawasan Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail hanya berjaya memenangi kerusi dengan beberapa ratus undi saja.

PRU 2008 adalah kemuncak pencapaian bagi pakatan pembangkang. Kerusi yang berjaya dimenangi BN dalam PRU-12 itu adalah

sangat sukar untuk dimenangi pakatan pembangkang dalam pilihan raya terdekat jika tidak timbul faktor dominan lain yang signifikan.

Sebab keempat ialah tindakan popular yang diambil Najib dan kerajaan. Kerajaan BN dalam beberapa bulan ini mampu memenuhi dan memuaskan sejumlah besar pengundi. Kerajaan memberikan RM100 tunai atau RM200 baucar buku kepada pelajar, RM500 untuk kumpulan pendapatan rendah, meningkatkan gaji kakitangan awam dan sebagainya. Walaupun tindakan berkenaan diperdebatkan bahawa mereka yang menerima manfaat ini tidak semestinya mengundi BN, tetapi premis itu gagal menjelaskan keadaan politik sebenar.

Jika mereka yang menerima bantuan itu adalah penyokong kuat pakatan pembangkang, maka tidak kira apa yang dilakukan oleh kerajaan BN, mereka tetap tidak akan mengundi BN. Oleh itu, undian kumpulan ini boleh diabaikan kerana undian mereka adalah tegar.

Golongan atas pagar pula tidak pasti undi harus diberikan kepada parti mana. Kumpulan ini cenderung dipengaruhi oleh manfaat langsung yang diperolehi sebelum pilihan raya.

Dengan premis mengundi untuk pembangkang tidak semestinya mendatangkan manfaat, kumpulan ini mudah dipengaruhi manfaat

langsung oleh kerajaan BN dan cenderung menyokong BN.

Kelima, terdapat hujah bahawa salah laku BN disebarikan secara meluas terutama dalam dunia internet seperti *Facebook*. Jadi, ini mungkin memudaratkan BN. Bagaimanapun, dengan melihat ciri-ciri kumpulan itu, mereka yang sangat aktif di *Facebook* dan demonstrasi jalanan pada asasnya adalah golongan yang datang dari kawasan bandar, golongan berpendidikan, generasi muda dan sebagainya.

Tidak syak lagi, kumpulan ini akan menolak BN. Tetapi, jumlah kerusi yang diperuntukkan di kawasan luar bandar masih tinggi. Deposit tetap BN di Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak masih mampu menyumbang lebih daripada 40 peratus keseluruhan kerusi Parlimen. Walaupun teknologi baru ini dan bantahan rakyat kelihatan semakin buruk, dalam pengundian, ia tidak semestinya boleh membawa perubahan besar berbanding pilihan raya lalu.

Untuk kerusi DUN, sudah pasti Pulau Pinang dan Kelantan akan dikekalkan masing-masing oleh DAP dan PAS. Untuk mengekalkan Selangor di bawah kerajaan negeri sekarang turut mudah bagi pembangkang kerana tahap pendidikan dalam kalangan pengundi di Selangor secara amnya lebih tinggi.

Walaupun pakatan pembangkang

tidak mampu memenangi majoriti dua pertiga di kawasan DUN Selangor, ia masih boleh menikmati pemerintahan di Selangor.

Bagaimanapun, Perak kemungkinan besar akan berada di tangan BN. Kesan kejadian lompat parti semakin tidak relevan. Tambahan pula, bilangan kerusi yang diperuntukkan untuk kawasan luar bandar adalah tinggi di Perak.

Lagi pun, pentadbiran Datuk Seri Dr Zambry Kadir tidak menimbulkan banyak isu kontroversi. Bagi Kedah, ia agak berbeza berbanding negeri pakatan yang lain. Kedah akan jatuh ke tangan BN terutama selepas berlakunya kecelaruan kepemimpinan kerajaan negeri. Kerajaan negeri gagal menarik kepercayaan rakyat. Kerajaan Datuk Seri Azizan Razak berprofil rendah dalam kebanyakan masa, sama sekali bertentangan dengan pakatan pembangkang di negeri lain yang bersifat profil tinggi dan lantang bersuara.

Apabila Kedah bersuara lantang, ia membabitkan isu kontroversi seperti krisis politik semasa, penutupan pusat hiburan ketika Ramadan dan lain-lain. Pakatan pembangkang Kedah akan ketinggalan daripada aliran populis hari ini.

Penulis ialah Pensyarah di Jabatan Komunikasi, Kolej Han Chiang, Pulau Pinang.